

## **BAB TIGA**

### **MIC : PENUBUHAN, PERKEMBANGAN DAN KEDUDUKAN POLITIK KAUM INDIA DAN MIC**

#### **3.0 Pengenalan**

Dalam bab ini, politik masyarakat India akan dikaji. Walaupun masyarakat India telah sampai ke Malaysia mulai pertengahan abad ke-19, namun begitu mereka tidak menubuhkan sebarang parti politik yang dapat menjamin masa depan kaum buruh India. Ini adalah disebabkan kebanyakan buruh-buruh India yang dibawa masuk tidak berpendidikan dan tidak mempunyai niat untuk terus menetap di sini.

Penempatan kaum buruh India di kawasan perladangan sekaligus memutuskan hubungan dengan penduduk India di kawasan bandar. Lagipun, masyarakat India yang berpendidikan pula tidak menunjukkan minat terhadap penubuhan parti politik bagi melindungi kebajikan masyarakat India secara keseluruhannya. Pemimpin politik dari India terpaksa datang untuk memberi kesedaran dan kepentingan politik. Selepas itulah, kaum India mula menubuhkan dan melibatkan diri dalam bidang politik.

Dalam bab ini perkara-perkara berikut akan dikaji dalam dua peringkat utama, iaitu:

- (A) Peringkat Sebelum Merdeka (1957); dan
- (B) Peringkat Selepas Merdeka.

**A. Peringkat Sebelum Merdeka (1957) – dibahagikan kepada 4 tahap, iaitu:-**

- (i) Tahap I (1906 – 1937)
  - (a) Penubuhan dan penglibatan masyarakat India dalam persatuan-persatuan yang bercorak rekreasi.
- (ii) Tahap II (1937 – 1941)
  - (a) Penglibatan masyarakat India dalam CIAM (Central Indian Association of Malaya)
- (iii) Tahap III (1941 – 1945) : Zaman Pendudukan Jepun
  - (a) Peranan masyarakat India dalam bidang politik semasa perang dunia kedua.
- (iv) Tahap IV (1945 – 1957)
  - (a) Kelahiran MIC (Malaysian Indian Congress) dan peranan masyarakat India dalam bidang politik.

**B. Peringkat Selepas Kemerdekaan**

- (i) Perkembangan Politik Selepas Kemerdekaan
- (ii) Perkembangan MIC dan Isu-Isu Sosio-Ekonomi Yang Dihadapinya
  - (a) Masalah kerakyatan dan permit kerja
  - (b) Masalah perpecahan ladang (frangmentasi) dan penubuhan NLPCS
  - (c) Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan kesannya ke atas masyarakat India.
  - (d) Pembentukan Barisan Nasional (BN) dan implikasinya ke atas MIC.
  - (e) Krisis dalamam (kepimpinan).
- (iii) Zaman Pemerintahan Samy Vellu

## C. Kesimpulan

### 3.1.0 Peringkat Sebelum Kemerdekaan (1957)

#### 3.1.1 Tahap I (1906 – 1937) Penubuhan Persatuan-Persatuan Bercorak Rekreasi

Pada tahap ini, masyarakat India telah mula melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti persatuan. Banyak persatuan yang bukan berunsur politik telah ditubuhkan. Persatuan-persatuan ini dipimpin oleh golongan pertengahan dari bandar dan dianggotai oleh pekerja-pekerja dari jabatan kerajaan dan juga dari sektor swasta. Ini telah menjadi titik peralihan dalam membentuk satu perpaduan di kalangan masyarakat India.

Persatuan-persatuan ini mempunyai ciri-ciri kebudayaan, rekreasi dan yang lebih serius tentang sosio-ekonomi. Persatuan-persatuan tersebut telah mengambil tindakan-tindakan yang lebih diplomasi dalam usaha mengatasi kepincangan yang telah melanda kaum India. Persatuan yang pertama ditubuhkan di Taiping pada tahun 1906 ialah Persatuan India Taiping. Ini diikuti dengan Persatuan India Selangor pada tahun 1909. Kemudian, ianya merebak ke Perak, Pulau Pinang, dan Negeri Sembilan. *Persatuan India Hilir ditubuhkan di Perak Hilir dan Persatuan India di Klang dikenali sebagai Persatuan India Pantai.*<sup>1</sup>

Pada peringkat awal, persatuan-persatuan ini bercirikan kebudayaan. Mereka cuba menghidupkan kebudayaan, perayaan dan adat resam kaum India di Malaysia. Perjumpaan-perjumpaan yang diadakan dan aktiviti-

---

<sup>1</sup> Arasaratnam, S., *Indians in Malaysia and Singapore*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1970, hlm 83.

aktiviti yang dijalankan mendapat restu daripada kerajaan British juga. Ahli-ahli persatuan ini tiada hubungan rapat di antara satu sama lain sehingga 1930an. Selain itu, persatuan-persatuan ini juga menjalankan aktiviti kebajikan dan mendukung kebudayaan India di Malaysia. Walaupun persatuan ini bercirikan rekreasi, namun begitu persatuan ini berjaya menyatukan masyarakat India di bawah satu payung yang menegakkan kebudayaan India di Malaysia.

*Sehingga tahun 1920, masyarakat India tidak mempunyai niat untuk campur tangan dalam politik.<sup>2</sup>* Walaupun begitu orang perseorangan terus mengingatkan Kerajaan British akan tanggungjawabnya terhadap masyarakat India di ladang-ladang. Contohnya, P.K. Nambiar pernah mengesyorkan agar pihak majikan ladang menyediakan sedikit tanah lapang untuk kegiatan pertanian buruh. Sumbangan orang perseorangan seperti ini telah menyebabkan lahirnya kesedaran dan tanggungjawab sosial terhadap masyarakat India.

Kesedaran sebegini telah merintis jalan kepada kelahiran beberapa persatuan semi-politik sehingga tahun 1941. Kesedaran mengenai perpaduan di kalangan masyarakat India melalui satu pertubuhan telah wujud apabila berlakunya kemelesatan ekonomi pada tahun 1929. Ini menyedarkan setiap persatuan bahawa mereka harus berganding bahu sekiranya ingin mengatasi sesuatu masalah yang menimpa diri mereka. Kelahiran persatuan-persatuan yang diterajui oleh golongan India yang berpendidikan Inggeris, golongan

---

<sup>2</sup> Mahajani, Usha, *The Role of Indian Minorities in Burma and Malaya*, Vara & Co, Bombay, 1960, hlm 121.

berpendidikan Tamil dan golongan buruh telah merintis jalan kepada pembentukan satu persatuan yang akan mewakili mereka. Akhirnya, The Central Indian Association of Malaya (CIAM) telah lahir gabungan daripada 16 persatuan pada tahun 1936.

Ada beberapa perkara yang menjadi batu penghalang dalam melahirkan semangat politik tempatan di kalangan masyarakat India. Pertamanya, masyarakat India selalu menganggap diri mereka sebagai masyarakat transit. Ini menyebabkan masyarakat India lebih berminat terhadap perkembangan politik di negara India. Faktor kedua ialah perpecahan di kalangan masyarakat India. Mereka tidak mahu bersatu padu untuk membentuk satu badan politik yang dapat menuntut kebajikan untuk masyarakat India.

*Pada 1928, Persatuan India Selangor mengadakan Persidangan Seluruh Tanah Melayu (Pan-Malaysian Conference of Indians) di Kuala Lumpur. Masalah buruh ladang, pengangguran, pelajaran, perwakilan dalam majlis dan Badan-Badan Awam turut dibincang. Pada 1931, berpecah kerana perselisihan faham.<sup>3</sup>*

Ini disebabkan oleh amalan kasta dan etnik yang begitu tebal di kalangan mereka. Mereka hanya berminat untuk mengetahui perkembangan politik di negeri masing-masing di India. Perpecahan pada peringkat awal ini melemahkan masyarakat India secara keseluruhannya.

---

<sup>3</sup> Dhanapal, R., "Satu Analisis Tentang Penyertaan dan Pandangan Orang-Orang India Terhadap Perlaksanaan Semasa Dasar Kerajaan", Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1986, hlm 12-13.

Faktor ketiga pula adalah faktor pengasingan. Masyarakat buruh India tidak mendapat idea-idea perkembangan dan kepentingan politik. Ini adalah disebabkan oleh faktor pendidikan dan sikap pemimpin-pemimpin India pada masa itu. "... *the dominance of the members of the English educated Indian upper-class in leadership positions in the community.*"<sup>4</sup>

Masyarakat buruh India tidak pernah mendapat sebarang bantuan idea ataupun bantuan daripada pemimpin-pemimpin India dari kawasan bandar. Ini adalah kerana pemimpin-pemimpin ini mempunyai percanggahan pendapat di kalangan mereka sendiri. Kepentingan peribadi mengatasi kepentingan masyarakat. Lagipun, golongan berpendidikan Inggeris sentiasa mengasingkan diri daripada masyarakat India.

Kesimpulannya, bibit-bibit kesedaran berpolitik telah bermula dengan penubuhan persatuan-persatuan yang telah menyatupadukan masyarakat India. Kumpulan nasionalis radikal India mula menjadi ahli persatuan-persatuan ini. Tetapi, aktiviti mereka tidak ketara sehingga CIAM (Central Indian Association of Malaya) ditubuhkan pada tahun 1936.

Kesedaran yang lebih nyata dapat dilihat melalui kelahiran dan peranan yang dimainkan oleh CIAM.

---

<sup>4</sup> Ampalavanar, Rajeswary, "Aspects of Leadership of The Indian Community in Malaya in The Period 1920-1944," *Tamil Ott*, University of Malaya Tamil Language Society, Kuala Lumpur, Vol. 8, 1969/70, him 79.

### **3.1.2 Tahap II (1937 – 1941)**

#### **Kelahiran CIAM (Central Indian Association of Malaya)**

Pada tahun 1928, Persatuan India Selangor telah mengadakan satu perjumpaan dengan kesemua persatuan-persatuan India apabila kumpulan nasionalis radikal India menjadi ahli persatuan. Walaupun perjumpaan ini tidak bertujuan mengatasi masalah kaum buruh India, namun begitu mereka berjaya berbincang serta bertukar pendapat di kalangan pemimpin.

Hasilnya, CIAM telah dibentuk pada tahun 1936. Enam belas badan (Chambers of Commerce and Merchant's Associations) menjadi ahli. Kemudian, CIAM mula mengorak langkah untuk menyuarakan masalah-masalah kaum buruh India. Salah satu daripadanya ialah menghantar memorandum terhadap "masalah todi di Tanah Melayu" kepada Kerajaan India, agar penjualan todi di estet-estet dihentikan. Ini merupakan langkah pertama CIAM berkecimpung dalam arena politik dan masalah-masalah sosial secara terbuka. Mengikut Ramachandara,

*pengaruh CIAM disebarluaskan melalui perhimpunan-perhimpunan umum, penyiaran radio, buku-buku, makalah-makalah, perarakan umum serta pemogokan.<sup>5</sup>*

Ini telah menarik perhatian masyarakat terhadap CIAM.

Sementara itu, laporan sastri cuba melindungi Kerajaan British terhadap tanggungjawabnya terhadap masyarakat buruh India. Tetapi pemimpin-pemimpin CIAM terus menyuarakan kehidupan kaum pekerja yang serba

---

<sup>5</sup> Ramachandra, G.P., "The Indian Independence Movement in Malaya, 1942-1945", M.A. Thesis, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1970, him 283.

kekurangan kepada Kerajaan India. Maka, mulai 17 September 1938, pengimportan tenaga pekerja murah dibekukan. Cuma tenaga pekerja mahir dan separuh mahir sahaja dibenarkan. Kebanyakan tenaga kerja ini datang daripada India utara. Namun demikian, jumlah pekerja ladang pada tahun 1938 ialah 214,313 orang telah meningkat kepada 221,240 orang pada tahun 1947.

Ketidakpuasan terhadap layanan pihak majikan British telah menyebabkan pekerja-pekerja India menjalankan mogok yang pertama di Klang dan sekitar Klang. Apa yang menghairankan ialah tindakan-tindakan agresif CIAM tidak banyak mendapat sokongan daripada kaum pekerja India. Ini adalah kerana kaum pekerja takut mereka akan kehilangan kerja. Ini membuktikan bahawa kaum buruh India tidak mempunyai kedudukan ekonomi yang baik. Menurut Daniel, masyarakat India berbuat demikian kerana ... *who were socio-economically handicapped*.<sup>6</sup> CIAM tidak berjaya memperoleh kepercayaan kaum buruh kerana dicurigai terhadap kepemimpinan CIAM. Lagipun, pihak British mengenakan banyak halangan untuk melumpuhkan CIAM.

Pada tahun 1941, sekali lagi kaum pekerja India melancarkan mogok. Kali ini pekerja-pekerja dari negeri Kedah, Negeri Sembilan, Perak turut serta. Selain meminta kenaikan gaji sebanyak 50 sen, mereka juga meminta Kerajaan British memperbaiki tempat kediaman, kesihatan dan sebagainya.

---

<sup>6</sup> Daniel, J.R., "A Brief Historical Survey of The Involvement of The Indians in The Malayan Trade Union Movement," *Tamil Oli*, Persatuan Bahasa Tamil Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Vol. 13, 1981/82, hlm 88.

Mogok ini juga telah gagal dalam usaha memperbaiki taraf hidup buruh India di Malaysia. Akibatnya, Kerajaan British telah mengharamkan kesemua aktiviti CIAM yang cuba menyemarakkan semangat di kalangan masyarakat India. Dalam pada itu, Perang Dunia Kedua telahpun meletus. Ini telah memberi laluan kepada ahli-ahli CIAM untuk menyertai Liga Pembebasan India (INA).

### **3.1.3 Tahap III (1941 – 1945) Zaman Semasa Perang Dunia Kedua (1941-1945)**

Walaupun penduduk Jepun di Malaysia adalah sementara waktu sahaja, tetapi ia telah meninggalkan kesan yang mendalam terhadap masyarakat India. Penduduk Jepun telah memberi peluang kepada masyarakat India untuk menyertai Indian Independence League (IIL) dan Indian National Army (INA) di bawah Subash Chandra Bose. Tentera Jepun membantu IIL dan INA untuk menentang British di India. Penglibatan masyarakat India dalam IIL dan INA telah memberi laluan kepada masyarakat India melibatkan diri dalam politik India dan seterusnya dalam politik tempatan.

Pada awalnya, masyarakat India di Malaysia tidak merancang untuk membantu negara India untuk mencapai kemerdekaan. Ini adalah kerana tidak ada pihak yang sanggup menyatukan dan seterusnya menyedarkan tentang kepentingan kemerdekaan. Jepun yang mempunyai impian "Asia untuk orang Asia" memerlukan sokongan masyarakat India di India untuk mengalahkan pihak

British. Oleh itu, pihak Jepun telah mengadakan hubungan baik dengan golongan revolusi India yang ingin mendapatkan kemerdekaan melalui perang.

Resh Behari Bose dan Subash Chandra Bose menjadi pemimpin utama INA di Malaysia. Ramai orang India menyertai INA selepas mendengar ucapan Subash Chandra Bose. Lagipun, golongan revolusi ini terpaksa menggunakan masyarakat India yang berada di Malaysia untuk menyerang pihak British di India. Sehingga bulan Mei 1942 sahaja 95,000 orang India telah menjadi anggota INA. Cawangan INA dibuka di Pulau Pinang, Kedah, Selangor, Negeri Sembilan, Johor dan Melaka. Penglibatan masyarakat India dalam INA telah mula memberi kesedaran kepentingan politik. *The Indian became more politically aware because of their involvement in the Indian National Army and the Indian Independence League.*<sup>7</sup>

INA telah gagal dalam usahanya apabila Jepun menyerah kalah pada Ogos 1945 dan INA telah dibubarkan. Namun begitu, penglibatan masyarakat India dalam INA telah menyedarkan kepentingan perpaduan dan penglibatan dalam politik tempatan. Ini telah memberi satu pandangan positif terhadap masyarakat India di Malaysia. Lagipun, masyarakat India mempunyai kebolehan memimpin dalam semua tahap.

Kesimpulannya, boleh dikatakan bahawa pendudukan Jepun di Malaysia telah mengorak langkah penglibatan masyarakat India dalam bidang

---

<sup>7</sup> *Ibid.*, hlm 88.

politik tempatan. Selain itu, masyarakat India juga telah mula melibatkan diri dalam Kesatuan Sekerja. Kesan paling ketara adalah kelahiran Malaysian Indian Congress (MIC) pada Ogos 1946 yang mempunyai objektif politik yang nyata. Sejak dari itu, MIC telah menjadi wakil masyarakat India di Malaysia.

### **3.1.4 Tahap IV (1945-1957)**

#### **Kelahiran MIC dan Peranan Masyarakat India Dalam Bidang Politik**

**Kekalahan Jepun dalam Perang Dunia Kedua** telah merintis kepada kelahiran Malaysian Indian Congress (MIC) pada Ogos 1946. Penglibatan masyarakat India dalam politik tempatan hanya lahir selepas tokoh veteran Indian National Congress (INC) melawat Malaysia pada tahun 1946. Beliau telah memberi nasihat dan saranan agar satu organisasi ditubuhkan untuk melindungi masyarakat India secara keseluruhannya. Akhirnya MIC ditubuhkan hasil daripada kesungguhan penglibatan masyarakat India dalam INA untuk memerdekaan negara India. MIC telah menjadi penghubung di antara masyarakat India dengan Kerajaan Malaysia.

Presiden pertama MIC ialah John Thivy. Beliau adalah seorang India yang beragama Kristian dan merupakan golongan elit yang pada awalnya tertarik dengan pergerakan INA dan IIL. Pada awalnya, MIC mempunyai hubungan rapat dengan politik India.

*John Thivy menjadi wakil Tanah Melayu yang tetap ke India. Pada masa ini MIC dianggotai oleh golongan kelas pertengahan dan mereka yang tinggal di kota-kota dan peniaga-peniaga.<sup>8</sup>*

John Thivy memastikan MIC pada tahap ini mengamalkan dasar anti-perkauman dan dasar membantah rancangan Malayan Union (MU). Ini adalah kerana pihak British tidak meminta pandangan penduduk tempatan berhubung dengan pengenalan rancangan MU. John Thivy juga mendesak Kerajaan India mengekalkan pembekuan imigrasi buruh ke Tanah Melayu.

Perlembagaan MIC yang digubal mempunyai persamaan dengan perlembagaan INC. MIC merupakan badan politik yang pertama membawa usul agar Malaysia diberi kemerdekaan. Namun demikian, pemimpin-pemimpin MIC masih memandang negara India dalam usaha memperkembang karier politik mereka di Malaysia. Kaum pekerja tidak turut serta dalam penubuhan MIC kerana pemimpin-pemimpin MIC tidak mahu mewujudkan satu bahagian khas untuk kaum pekerja. Penglibatan MIC dalam politik India tidak disenangi oleh UMNO dan mula mempersoalkan kesetiaan MIC. Akibatnya, MIC telah merombak perlembagaannya. Kini, warganegara Malaysia sahaja dibenarkan menganggotai parti MIC.

Budh Singh yang menjadi Presiden MIC Kedua telah mengambil alih MIC pada tahun 1947. Beliau merupakan seorang Punjabi dari

---

<sup>8</sup> Means, Gordon, Paul, *Malaysian Politics*, Hodder and Stoughton, London, 1976, hlm 107-108; 1980, hlm 149-150.

India Utara. Sepanjang beliau menjadi pemimpin, beliau mendapat tentangan hebat daripada ahli-ahli kerana Budh Singh merupakan seorang penyokong kuat Nehru dan INC. Kepimpinannya pula lebih bersifat sayap kiri. Tentangan terhadap Budh Singh mencapai kemuncak apabila MIC memulau perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948. Akibatnya, Kerajaan British tidak menyokong pimpinan MIC. *Akhirnya, MIC mula berpecah belah kerana beliau merupakan seorang sosialis yang radikal.*<sup>9</sup> Budh Singh juga gagal membawa sebarang usaha untuk memajukan masyarakat India. Beliau juga turut menentang Perjanjian Persekutuan. Pengharaman AMCJA telah mula menggugat kedudukan Budh Singh. Tekanan yang telah dikenakan ke atas Budh Singh menyebabkan beliau meletakkan jawatan pada tahun 1950.

Budh Singh telah digantikan oleh K. Ramanathan Chettiar. Kedudukan ekonomi yang kukuh dan personaliti yang baik telah menyebabkan beliau dilantik sebagai Presiden MIC yang ketiga pada tahun 1950. Sebaik sahaja Ramanathan menerajui MIC, beliau telah membatalkan dasar pemboikotan Perlembagaan Persekutuan 1948. Beliau telah memulakan satu era baru dalam kepimpinan MIC.

*Ramanathan mementingkan unsur-unsur kerjasama dengan beberapa institusi politik di Malaya.*<sup>10</sup> Namun demikian, beliau juga masih memandang ke arah India dalam usaha mengembangkan politik MIC di Malaysia.

---

<sup>9</sup> Michael J. Stenson, *Class, Race and Colonialism In West Malaysia : The Indian Case*, University of Queensland Press, St. Lucia, 1980, hlm. 150.

<sup>10</sup> *Ibid*, hlm 174.

Polisi ini ditentang oleh golongan elit pada masa itu. Apabila penentangan terhadap beliau meningkat, Ramanathan dikalahkan dalam pilihanraya MIC. Beliau telah diganti oleh K.L. Devasar pada Mei 1951. Walaupun parti politik MIC wujud, persatuan-persatuan rekreasi wujud tetapi tiada siapa yang sanggup menyuarakan masalah-msalah yang dihadapi oleh masyarakat India.

*There is no cohesion and unity between these various associations, and there is not one single association competent to speak on behalf of the Indian public.<sup>11</sup>*

Jadi, untuk mengukuhkan kedudukan pertubuhan-pertubuhan ini, maka mereka bergabung membentuk Kesatuan Pekerja-Pekerja Ladang Malaysia (NUPW). Walau bagaimanapun, tiada kerjasama di antara MIC, NUPW dan Persatuan India di bawah G.V. Thevar dalam menyuarakan masalah kaum India. Ini mengakibatkan masyarakat India terus terbiar tanpa kepimpinan yang konsisten.

Sementara itu, ideologi komunis telah mula menular di kalangan buruh-buruh India. Selepas INA dibubarkan, pemimpin-pemimpin INA telah mula aktif dalam Parti Komunis Malaya dan Kesatuan Sekerja. Contohnya, S.Ganapathy yang pernah menjadi Instruktur INA kini menjadi Presiden Pan Malayan Federation of Trade Unions. Orang-orang India juga turut serta dalam pemberontakan. Salah seorang daripada mereka ialah Presiden Persatuan Buruh SeMalaya, S. Ganapathy.

---

<sup>11</sup> Nair, *Indians in Malaya*, op.cit., 1937, hlm. 10.

Orang-orang India turut serta dalam pemberontakan ini kerana sudah tidak tahan lagi dengan tekanan dan bebanan yang dikenakan ke atas mereka. MIC masih tidak mampu membantu kaum buruh. Akibatnya, pemimpin-pemimpin Kesatuan Buruh yang terlibat ditembak mati serta ada yang dihukum gantung. MIC hanya mendiamkan diri sahaja. Tindakan sedemikian mendapat tentangan hebat daripada pemimpin-pemimpin dari negara India seperti Jawarharlal Nehru, Anna, Kamaraj dan lain-lain. Namun demikian, tindakan memburu pemimpin-pemimpin buruh yang disyaki bersubahat dengan Parti Komunis Malaya diteruskan. Menurut Gamba:

*Parti Komunis Malaya telah memberi kesedaran tentang kepentingan parti politik dan ekonomi kepada pergerakan buruh di Malaya. Situasi ini menjadi permulaan penglibatan kaum buruh dalam politik selepas 1948.<sup>12</sup>*

Keadaan ini telah mula memberi kebimbangan terhadap MIC dan masyarakat India. Jadi, MIC telah membentuk Bahagian Buruh dalam MIC untuk menghalang penularan ideologi komunis di kalangan buruh India. Ini adalah untuk mengidentitikan MIC sebagai pro kerajaan.

MIC telah mendapat pengiktirafan Kerajaan British apabila bersatu untuk menentang penularan ideologi komunis. Di bawah adalah jumlah orang-orang India beridealologi komunis yang menyerah diri: Ipoh : 7; Kuala Klang: 272; Tg. Bruas : 56; Kluang : 255; Majidee : 46. Lagipun, Kerajaan British

---

<sup>12</sup> Gamba, Charles, *The Origins of Trade Unionism In Malaya : A Study In Colonial Labour Unrest*; with Foreword by Victor Purcell, D. Moore for Eastern Universities Press, Singapore, 1962, hlm 10

mendapati MIC juga penting kerana menjadi badan politik yang mewakili masyarakat India. MIC pula telah mula mengubah pendirian politik ke arah politik tempatan selepas negara India mencapai kemerdekaan pada tahun 1947.

MIC telah memulakan hubungan dengan parti-parti politik lain. Ini adalah perubahan yang berlaku dalam bidang politik selepas perang dunia kedua. Oleh kerana MIC pada peringkat awal ini radikal, maka MIC telah menjalin hubungan dengan All Malaya Council of Joint Action (AMCJA) yang radikal juga. Kedua-dua parti politik ini membantah Perlembagaan Persekutuan 1948 selepas Malayan Union dibubarkan. Mengapa MIC menentang Perlembagaan Persekutuan 1948? Ini adalah kerana MIC tidak dijemput bersama ketika membentuk Perlembagaan Persekutuan 1948.

Walau bagaimanapun, pihak British telah menerima saranan Perlembagaan Persekutuan yang disyorkan oleh United Malay National Organization (UMNO). MIC yang cuba mempertahankan kedudukan masyarakat India di Malaysia telah bergabung dengan AMCJA untuk menuntut kemerdekaan bagi Malaysia. Ini adalah kerana MIC masih menjadi parti radikal sehingga tahap ini.

Fuck !

Dalam pada itu, MIC merupakan badan politik pertama yang bersuara agar Malaysia diberi kemerdekaan. Namun begitu, kegagalannya bersama AMCJA telah memberi tamparan dan kesedaran untuk memilih sekutu parti politik yang baru. Darurat yang diisytiharkan pada Jun 1948 telah

memisahkan MIC dengan AMCJA apabila AMCJA telah masuk ke hutan untuk memulakan serangan gerila. Kejutan ini telah menyebabkan MIC menggantung kesemua aktiviti parti sehingga larat berakhir.

Bertanding dengan bekerjasama IMP. Daripada 3 calon yang bertanding, MIC telah memenangi 2 buah kerusi. Namun demikian, MIC telah mengalami kekalahan dalam pilihanraya kepada parti perikatan. Akibatnya, MIC telah menyertai Parti Perikatan sebagai parti ketiga yang boleh dianggap penting.

Selepas tamat darurat, MIC memulakan aktiviti politik mulai tahun 1951. Mengapakah MIC tidak dapat membawa sinar baru kepada masyarakat India? Ini adalah kerana terdapat banyak perpecahan dalam masyarakat dan MIC menjadi semakin lemah. Antaranya *terdapat Persatuan India Malaya, Persekutuan Organisasi India dan MIC*.<sup>13</sup> Terdapat juga division untuk masyarakat India utara, untuk masyarakat India selatan, untuk mereka yang lahir di Malaysia dan untuk mereka yang lahir di India. Ini telah menyebabkan MIC menghadapi masalah membawa masyarakat India ke satu arah yang tetap.

K.L. Devasar telah memimpin MIC dari bulan Mei 1951 sehingga tahun 1955. Beliau merupakan seorang berketurunan Punjabi Hindu. Beliau mempunyai hubungan yang baik dengan Tunku Abdul Rahman (UMNO) dan Tun Tan Cheng Lock (MCA). Ideologi Ramamathan diteruskan oleh Devasar.

---

<sup>13</sup> Ampalavanar Rajeswary, *Indian Minority and Political Change in Malaya, 1945-1957*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1980, him 152.

Dalam pada itu, pilihanraya pertama pada tahun 1952 diperkenalkan. MCA dan UMNO telah bergabung membentuk Parti Perikatan untuk bertanding dalam pilihanraya ini dengan bermatlamatkan kemenangan. Sekali lagi, MIC mencari sekutu baru untuk bertanding dalam pilihanraya ini. Ini menunjukkan tamparan yang diterima akibat bergabung dengan AMCJA tidak banyak memberi kesan. Akhirnya, MIC bergabung dengan Parti Kebangsaan Negara (IMP) yang ditubuhkan oleh Dato' Onn Jaffar. Parti IMP ini mendapat sokongan padu daripada kaum India. Ini adalah kerana kaum India berpendapat bahawa UMNO hanya mementingkan orang Melayu sahaja dan mengabaikan kaum India. Gabungan ini adalah untuk mengekalkan objektif politik MIC dan IMP juga adalah parti politik pelbagai kaum.

Jadi, dalam pilihanraya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur pada 1952, Parti Perikatan telah memenangi 9 kerusi daripada 12 kerusi yang dipertandingkan. Manakala, gabungan MIC dan IMP hanya memenangi dua kerusi dan satu kerusi dimenangi oleh calon persendirian. Sekali lagi MIC menerima tamparan hebat kerana salah memilih sekutu mereka kerana IMP tidak mendapat sokongan majoriti masyarakat Melayu. Sekali lagi MIC melakukan bedah siasat aktiviti dan kedudukan politik MIC. Sikap anti-British dan sikap radikal menyebabkan MIC tidak diiktiraf oleh pihak British.

MIC terpaksa membuat perubahan baru dalam pendiriannya. Ini adalah kerana ramai ahli MIC mula meninggalkan MIC kerana sikap MIC yang radikal dan yang tidak tahu hala tuju. Ini menyebabkan MIC berfikir panjang lebar mengenai masa depan MIC dan masyarakat India. Lagipun, pilihanraya umum akan diadakan pada tahun 1955. MIC terpaksa mencari sekutu baru sekiranya ingin kekal sebagai parti politik. Lagi, *MIC akan tentu gagal dalam pilihanraya ini kerana tiada kawasan pilihanraya yang mempunyai jumlah penduduk India yang ramai.*<sup>14</sup> Ini menyedarkan MIC bahawa mereka terpaksa bergantung kepada pihak lain sekiranya inginkan kemenangan dalam pilihanraya ini.

Dalam pada itu, K.L. Devasar yang menjadi Presiden MIC mulai tahun 1953 sedar akan masalah ini. Jadi, beliau sedar bahawa kegagalan bergabung dengan UMNO dan MCA akan menggelapkan masa depan MIC itu sendiri. Akhirnya, MIC menyertai Parti Perikatan pada Oktober 1954. Devasar telah memimpin MIC menyertai Parti Perikatan pada Oktober 1954 untuk menghadapi pilihanraya kebangsaan pada tahun 1955. Langkah bijak yang diambil oleh Devasar telah menghidupkan peluang MIC untuk terus bergeriat aktif dalam arena politik tempatan. *Langkah ini telah memberi nafas baru kepada MIC apabila mendapat sedikit keistimewaan.*<sup>15</sup> Kerajaan baru telah melantik Sambanthan sebagai Menteri Kabinet yang pertama. Ini telah membawa MIC ke

---

<sup>14</sup> \_\_\_\_\_, hlm 107.

<sup>15</sup> Sri Tharan, "Political Development of the Indians and the Role of the Malaysian Indian Congress", *Cenderamata*, MIC Pusat, Kuala Lumpur, 1976, hlm 52-53.

satu era baru. Ini secara langsung menyatukan masyarakat India dengan masyarakat lain dalam parti Perikatan.

MIC telah mendapat nafas baru selepas pilihanraya umum 1955. Dua wakil MIC yang bertanding dalam pilihanraya ini menang tanpa mengharapkan undi masyarakat India sahaja. Parti Perikatan telah memenangi 51 kerusi daripada 52 kerusi yang dipertandingkan. Perikatan ini telah membuka lembaran baru untuk mendapatkan kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Kedudukan MIC dalam Parti Perikatan dan Barisan Nasional pada masa sekarang terjamin kerana telah memilih langkah bijak ketika pilihanraya umum 1955.

Sambanthan telah mengambil alih pucuk pimpinan MIC pada 12 Mei 1955. Beliau merupakan orang Tamil pertama daripada kumpulan majoriti orang India yang menerajui MIC. Kebolehan berucap dalam bahasa Tamil telah menarik lebih ramai masyarakat India terutamanya kaum buruh menyertai MIC. Dalam masa yang singkat sahaja, Sambanthan menjadi popular di kalangan masyarakat massa. Ini bererti telah bermula proses Tamilialisasi dalam MIC.

Selain itu, lebih banyak cawangan MIC dibuka di kawasan perladangan. Ini telah memberi peluang kepada masyarakat massa untuk melibatkan diri dalam politik tempatan. Sambanthan juga membawa usul agar mesyuarat dan persidangan MIC dijalankan dalam bahasa Tamil. Mengapakah Sambanthan mengutamakan bahasa Tamil? Oleh kerana Sambanthan adalah orang Tamil, maka tidak hairanlah Sambanthan mengutamakan bahasa Tamil. Ini

merupakan satu pengiktirafan yang diberikan terhadap bahasa Tamil. Langkah ini telah menarik lebih ramai masyarakat India terutamanya golongan Tamil menyertai MIC. Tindakan ini turut mengukuhkan MIC sebagai sebuah parti politik yang dinamik.

Perselisihan yang berlaku di antara Sambanthan dengan K.L. Devasar menyebabkan MIC terlepas peluang menyertai rombongan kemerdekaan ke London. Mengapakah tiada wakil MIC dalam rombongan kemerdekaan ini? Ada beberapa sebab mengapa keadaan ini terjadi. Ketika K.L. Devasar menjadi Presiden MIC, beliau telah menyertai Majlis Penasihat rombongan kemerdekaan. Tetapi, apabila beliau kalah kepada Sambanthan pada tahun 1955, Devasar tidak mahu menjadi ahli Majlis Penasihat.

Walau begitu, Kerajaan Perikatan telah menjemput Devasar menyertai rombongan kemerdekaan mewakili masyarakat India. Tetapi Devasar menolak dengan alasan beliau bukan lagi Presiden MIC dan tidak layak mewakili masyarakat India. Tetapi Kerajaan Perikatan tidak menjemput Sambanthan yang ketika itu Presiden MIC menyertai rombongan kemerdekaan. Kerajaan hanya mengosongkan satu kerusi bagi wakil masyarakat India mengisinya.

Sepatutnya, Sambanthan harus mengisi kekosongan itu. Tetapi beliau telah menolak. Mengapakah beliau berbuat demikian? Ini adalah kerana kepentingan peribadi mengatasi kepentingan parti dan masyarakat. Sambanthan tidak menyertai atas dua sebab. Pertamanya, Sambanthan berpendapat Devasar

yang banyak berkorban memimpin MIC harus menyertai rombongan itu. Keduanya, Sambanthan tidak dijemput secara rasmi oleh Kerajaan Perikatan. Ini mengakibatkan beliau berkecil hati dan menolak rombongan kemerdekaan. Inikah yang dikatakan sebagai keperibadian terhadap masyarakat India? Akhirnya, rombongan kemerdekaan terpaksa ke London tanpa wakil MIC. Sepatutnya, pemimpin MIC dan masyarakat India harus malu kerana tidak menyertai rombongan kemerdekaan padahal MIC merupakan parti politik pertama yang menyarankan agar Malaysia patut diberi kemerdekaan.

Kesimpulannya, boleh dikatakan bahawa bibit-bibit kesedaran politik di kalangan masyarakat India telah bermula apabila mereka menujuhkan banyak persatuan sehingga tahun 1941. Kesedaran politik yang lebih nyata dapat dilihat dengan penubuhan CIAM. Ini adalah kerana CIAM sentiasa mempersoal keadaan buruh di Malaysia. Seterusnya, pendudukan Jepun di Malasyia telah menyedarkan kepentingan politik kepada masyarakat India. Pada tahap ini, masyarakat India sudah mula bersatu (di bawah INA) untuk menuntut kemerdekaan bagi negara India dan seterusnya untuk negara Malaysia. Selepas tahun 1945, masyarakat India telah mula bekerjasama dan bertolak ansur dengan masyarakat lain. Akhirnya lahirlah parti politik MIC yang berusaha mempertahankan kebijakan masyarakat India dan bekerjasama dengan parti politik lain untuk mencapai kemerdekaan.

Setelah dua kali gagal membetulkan kedudukan dalam arena politik, akhirnya MIC bergabung dengan Parti Perikatan agar masa depan parti

masyarakat India lebih terjamin. Ini memberi satu pengajaran yang berguna kepada pemimpin-pemimpin MIC kemudian hari. Tuntutan-tuntutan untuk memperbaiki kepincangan yang berada dalam masyarakat India tidak akan diberi perhatian oleh pihak Kerajaan sekiranya masyarakat India enggan berpolitik.

### **3.2 Peringkat Selepas Kemerdekaan**

Pada tahap ini peranan yang dimainkan oleh Sambanthan dalam bidang politik akan turut dikaji. Walaupun Sambanthan menjadi Presiden MIC pada tahun 1955 (sebelum Merdeka), namun begitu peranan beliau dalam arena politik lebih ketara selepas Malaysia mencapai kemerdekaan. Selain itu, tumpuan juga akan diberi kepada zaman pemerintahan Samy Vellu. Ini adalah kerana kedua-dua pemimpin ini merupakan tokoh yang banyak membawa perubahan kepada MIC yang juga masyarakat India.

Pada tahap ini aspek-aspek berikut akan dikaji:-

- (i) Perkembangan politik selepas kemerdekaan.
- (ii) Masalah kerakyatan
- (iii) Masalah perpecahan ladang dan penubuhan NLFCS
- (iv) DEB dan kesannya ke atas masyarakat India
- (v) Pembentukan Barisan Nasional (BN) dan implikasinya ke atas MIC
- (vi) Krisis dalaman (kepimpinan)
- (vii) Kesimpulan

### **3.2.1 Perkembangan Politik Selepas Kemerdekaan**

Pada tahap ini, tumpuan akan diberikan kepada zaman pemerintahan Sambanthan. Dalam Pilihanraya Umum 1959, MIC telah diperuntukkan empat buah kerusi Parlimen berbanding dengan dua buah kerusi pada tahun 1955. MIC juga telah mendapat 14 kerusi Dewan Perundangan Negeri (ADUN). Selepas mencapai kejayaan dalam pilihanraya 1959, MIC telah mendapat dua jawatan Menteri penuh. Ini merupakan satu pengiktirafan yang diberikan oleh Kerajaan Perikatan terhadap sumbangan MIC dan masyarakat India. Ini juga menunjukkan bahawa MIC sememangnya telah memilih gabungan yang betul untuk menentukan masa depannya. Keadaan ini telah menyebabkan masyarakat India mula menyokong Kerajaan pimpinan Parti Perikatan.

Kegagalan MIC memenangi kesemua kerusi Parlimen dan ADUN dalam Pilihanraya 1959 telah memberi tampanan kepada MIC. Jadi, MIC mengenalpasti punca kegagalan dan telah mengatur strategi untuk mengatasinya sebelum pilihanraya umum akan datang. Kegagalan dalam Pilihanraya Umum 1959 telah menyebabkan Parti Perikatan mengurangkan kerusi Parlimen kepada tiga sahaja. Manakala, kerusi ADUN pula dikurangkan menjadi 11 buah kerusi pada 1964 dan menjadi 10 buah kerusi pada 1969.

Sambanthan sentiasa memastikan MIC mewujudkan sikap bertolak ansur dalam Parti Perikatan demi mengekalkan perhubungan di antara parti komponen. Arasaratnam berpendapat,

*... it has made the Malay leaders of the Alliance have full confidence in the MIC leadership. The PM has frequently declared that he has had no trouble whatsoever from the MIC. Their leaders have never spoken out on the touchy problems of minority rights.<sup>16</sup>*

Adakah ini menunjukkan MIC mengambil berat terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat India? Sambanthan terpaksa berbuat demikian untuk memastikan kuasa politik MIC yang sedia ada tidak tergugat. Ini adalah kerana kemenangan MIC dalam pilihanraya bergantung kepada sokongan daripada gabungan Parti Perikatan. Sementara itu, Sambanthan gagal menuntut kerusi tambahan kerana masyarakat India telah mula berpecah dan menyokong People Progressive Party (PPP). Ini adalah kerana MIC di bawah pimpinan V.T. Sambanthan tidak berjaya membaiki sosio-ekonomi kaum India kerana menumpukan sepenuh perhatian kepada masalah dalaman Parti. Ini menyebabkan Parti Perikatan telah mula hilang kepercayaan terhadap MIC dan masyarakat India. Perkembangan hanya berlaku pada jumlah cawangan MIC sahaja. Sehingga tahun 1973, cawangan MIC telah bertambah menjadi 300 buah. Kini, cawangan MIC terus bertambah tetapi ternyata gagal menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat India apatah lagi memberi idea-idea yang boleh membangunkan sosio-ekonomi masyarakat India.

---

<sup>16</sup> Arasaratnam, S., *Indians in Malaysia and Singapore*, op.cit., hlm 131.

### **3.2.2. Masalah Kerakyatan dan Permit Kerja**

Sambanthan terpaksa berhadapan dengan banyak cabaran dalam usaha memimpin MIC dan masyarakat India. Antara masalah yang paling ketara adalah masalah kerakyatan dan permit kerja. Masalah kewarganegaraan menjadi masalah utama kerana dua faktor. Pertamanya, ada di antara orang-orang India ini ingin kembali ke India. Keduanya, ada di antara orang-orang India ini tidak tahu apa yang harus dibuat, samada terus menetap di Malaysia ataupun pulang ke India. Dalam keadaan begini, janji-janji Tunku Abdul Rahman tidak direalisasikan oleh pemimpin-pemimpin MIC dan Kerajaan Malaysia pada ketika itu ... *adalah dipersetujui bahawa di bawah perlembagaan, setiap orang yang dilahirkan di sini akan menikmati hak-hak yang sama dengan warganegara.*<sup>17</sup>

Kerajaan Perikatan sedia melonggarkan syarat untuk mendapatkan kerakyatan. Ini dapat dilakukan kerana Sambanthan mempunyai hubungan rapat dengan Tunku Abdul Rahman. Jadi, Sambanthan telah menggalakkan propaganda mengenai kepentingan kewarganegaraan. Manakala, Kerajaan sanggup melonggarkan syarat bahasa Melayu yang menjadi penghalang kepada masyarakat India dalam usaha mendapatkan Sijil Kerakyatan. Akhirnya, cara mengambil sumpah telah diperkenalkan. Mengikut Arasaratnam,

*By these laws over 220,000 Indians could serve citizenship automatically. Another 186,000 had the birth qualification for citizenship. Thus, over 60 percent of Indians could now enter the political community and exercise politically right.*

---

<sup>17</sup> Tunku Abdul Rahman, *Sudut Pandangan*, Heinemann Educational Books (Asia) Ltd, Kuala Lumpur, 1979, hlm 76.

Atas daya usaha Sambanthan, ramai yang telah berjaya memperoleh sijil kerakyatan. Dianggarkan hampir 60% masyarakat India berpeluang menyertai politik tempatan.

Satu persoalan yang harus difikirkan ialah mengapakah MIC gagal menyedarkan masyarakat India secara keseluruhannya? Mengikut Ampalavanar, *Pemimpin-pemimin India (khususnya pemimpin-pemimpin MIC) gagal untuk mendidik dan menyedarkan keseluruhan masyarakat India.<sup>18</sup>* Tetapi, MIC melemparkan tuduhan ke atas masyarakat India yang tidak mengambil inisiatif untuk mendapatkan sijil kerakyatan. Ini menyebabkan ramai yang terpaksa balik ke India. Keadaan ini turut mengurangkan jumlah masyarakat India di Malaysia. Sambanthan seharusnya menyalahkan diri sendiri kerana gagal menggerakkan MIC untuk menyedarkan masyarakat India.

Masalah kedua yang dihadapi oleh Sambanthan adalah akta "Employment Registration Act". Akta ini secara langsung menekan masyarakat India yang tiada sijil kewarganegaraan pulang semula ke India apabila tamat tempoh permit kerja. Sambanthan telah mengambil inisiatif dan berbincang dengan Kerajaan agar permit kerja dilanjutkan selepas tamat tempoh kerja pertama yang diberikan. Permit kerja baru ini boleh diperbaharui beberapa kali. Sekali lagi MIC memainkan peranan penting dari segi politik dalam usaha mengatasi masalah kerakyatan dan permit kerja. Ini memberi peluang baru kepada lebih ramai masyarakat India untuk terus menetap di sini dengan

---

<sup>18</sup> Ampalavanar, Rajeswary, *The Indian Minority and Political Changes in Malaya, 1945-1957*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1981, hlm 240 – 241.

memperoleh permit kerja. Keadaan ini memberi peluang kepada masyarakat India untuk memperoleh taraf kewarganegaraan.

### 3.2.3. Masalah Perpecahan Ladang (**F**rangmentasi) Dan Penubuhan NLFCS

Selepas Malaysia mencapai kemerdekaan, masyarakat India telah berhadapan dengan satu lagi masalah baru. Mulai tahun 1960, masyarakat India menghadapi ancaman baru pula iaitu perpecahan ladang. Majikan-majikan British mula menjual ladang-ladang mereka kepada majikan-majikan Cina setelah puas memeras tenaga pekerja India dengan gaji yang minima. Kini, setelah sedar bahawa keadaan akan berubah, maka mereka mula melarikan diri dengan keuntungan yang dapat diperoleh hasil dari jualan ladang-ladang. Perpecahan ladang ini telah menyebabkan ramai pekerja kehilangan kerja. Masalah ekonomi semakin ketara akibat perpecahan ladang. National Union Plantation Workers (NUPW) telah gagal menghalang masalah ini dan Kerajaan Persekutuan pula mendiamkan diri sahaja. Mereka tidak mengambil sebarang tindakan untuk mengatasi masalah tersebut. Mengikut Chandra Muzaffar,

*...The subdivision issue exposed the political impotence of a marginal community. For all appeals from the NUPW, the MIC and other Indian organizations, government response was very lukewarm... There was no attempt by the government to purchase estates or to help workers form co-operatives...<sup>19</sup>*

---

<sup>19</sup> Chandra Muzaffar, "Political Marginalization in Malaysia", *ALIRAN*, 12(11), Kuala Lumpur, 1992, hlm 222.

Antara tahun 1951 – 1960 sebanyak 290 buah ladang (keluasan 231,850 ekar) terlibat dalam masalah ini. Sambanthan menghadapi ujian getir untuk menyelamatkan masyarakat India yang dibuang kerja akibat perpecahan ladang ini. Dianggarkan 12,000 pekerja telah kehilangan pekerjaan.

Akhirnya, V.T. Sambanthan telah mengisytiharkan satu resolusi baru. Satu-satunya idea seumpama berlian yang lahir akibat tekanan yang dihadapi pada ketika itu. Para pekerja diminta bersatu untuk membeli ladang yang dijual. Dengan cara ini, pekerja-pekerja tidak akan kehilangan kerja. Rancangan ini merupakan rancangan pertama untuk memperbaiki keadaan sosio-ekonomi kaum India di ladang-ladang. MIC mengambil masa hampir 4 tahun untuk melancarkan satu rancangan reformasi ekonomi bagi masyarakat India. Setiap pekerja diminta melabur RM10.00 setiap bulan.

*Demi menyelamatkan nasib kaum buruh ladang daripada masalah frangmentasi, Tun Sambanthan mendirikan Koperasi Kebangsaan Permodalan Tanah Berhad (NLFCS) pada 14 Mei 1960.*

*Dan*

*... the creation of the NLFCS may be regarded as one of Sambanthan's few strongly positive actions aimed at improving the condition of the Indian community.<sup>20</sup>*

Oleh kerana terlalu banyak memberi tumpuan kepada masalah masyarakat ladang, MIC telah terlepas banyak peluang perniagaan dan ekonomi

---

<sup>20</sup> Ampalavanar, Rajeswary, *Indian Communities In Southeast Asia*, (Ed.), K.S. Sandhu and A. Mani, *op.cit.*, hlm 240-241.

yang patut diterima daripada kerajaan. Tetapi, orang-orang Cina dapat mempergunakan peluang ini dengan bijak. Kaum India sudah mula jauh ketinggalan dalam bidang ekonomi kerana pada masa inilah masyarakat India bersaing hebat untuk mengekalkan diri mereka sebagai masyarakat Malaysia.

Selain masalah politik, masalah lain yang terpaksa dihadapi oleh Sambanthan adalah masalah arak dan todi. Masyarakat India banyak berbelanja untuk meminum arak dan todi ini. Ini menyebabkan berlakunya banyak masalah dalam keluarga yang mengakibatkan anak-anak buruh ini tercicir dari alam persekolahan. Jadi, Sambanthan meminta masyarakat India supaya berhenti meminum arak dan todi. Beliau hanya dapat berbuat begitu kerana kerajaan negeri memperoleh pendapatan hasil penjualan arak dan todi ini. Jika Sambanthan benar-benar prihatin terhadap masyarakat India, mengapakah beliau tidak meminta Kerajaan Persekutuan mengharamkan penjualan arak dan todi di estet-estet?

Sambanthan telah menggerakkan MIC melalui kempen-kempen anti-todi. Akibatnya, pusat penjualan todi di seluruh negara dapat dikurangkan. Ini merupakan kejayaan pertama MIC dalam usaha mengatasi kepincangan yang melanda masyarakat India.

### **3.2.4. Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Kesannya Ke Atas Masyarakat India**

Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah dilancarkan pada tahun 1971 selepas peristiwa 13 Mei 1969. DEB mempunyai dua matlamat utama. Pertamanya, membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan keduanya menyusun semula masyarakat Malaysia, di mana penghapusan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi. Kedua-dua matlamat ini tidak mempunyai ciri-ciri perkauman dan memberi peluang kepada semua rakyat untuk menikmati kemajuan negara. Pada masa ini masyarakat India banyak bertumpu di kawasan perladangan.

DEB disokong penuh oleh MIC. MIC berpendapat bahawa DEB akan membawa perpaduan di kalangan pelbagai etnik di Malaysia. DEB juga mempunyai tujuan untuk meningkatkan penguasaan ekonomi oleh orang Melayu ke tahap 30%. Manakala, orang bukan Melayu (Cina, India dan bukan Melayu) ke tahap 40% dan lain-lain ke tahap 30%. Adakah MIC berpendapat DEB boleh membawa kemajuan kepada masyarakat India? Adakah DEB mempunyai sebarang rancangan yang boleh membantu meningkatkan sosio-ekonomi kaum India? Tanpa memikirkan perkara-perkara di atas MIC menyokong DEB. Ini adalah kerana MIC merupakan parti komponen Parti Perikatan. Lagipun, MIC terpaksa bergantung kepada UMNO dari segi perkembangan dan pengukuhan politik. MIC melancarkan Rantindak MIC 1974, selaras dengan DEB. Ini adalah supaya MIC boleh membantu Kerajaan dalam penyusunan semula masyarakat khasnya masyarakat India.

Dalam mesyuarat Agung Tahunan MIC Ke-22, Presiden MIC sekali menyatakan sokongan MIC terhadap DEB.

*MIC berdiri sebagai satu parti yang bersatu dan akan menyumbang sepenuh bahagian kepada kejayaan DEB dan kepada masyarakat baru Malaysia yang sedang muncul. Kita akan menyokong sepenuhnya konsep DEB.<sup>21</sup>*

Sementara itu, Kerajaan banyak memberi tumpuan kepada kawasan luar bandar yang mempunyai majoriti penduduk Melayu. Ini adalah selaras dengan DEB untuk membasmi kemiskinan dan mengurangkan jurang perbezaan ekonomi antara kawasan bandar dengan luar bandar. Jadi, kerajaan tidak memperuntuk sebarang dana untuk pembangunan sosio-ekonomi penduduk estet.

Setiausaha Agung MIC pada ketika itu, M. Mahalingam pernah menyuarakan rasa kurang puashati terhadap DEB kerana penguasaan ekonomi masyarakat India tidak berubah. Manakala Jomo berpendapat *kadar kemiskinan di kalangan orang India telah meningkat dari 35.1% (1975) kepada 54% (1983).*<sup>22</sup> Ini menunjukkan DEB dan MIC telah gagal dalam matlamat mereka. MIC yang ingin mengukuhkan kedudukan politik ternyata berharap kepada DEB untuk mengatasi masalah sosio-ekonomi yang dihadapi oleh masyarakat India.

---

<sup>21</sup> Laporan Tahunan Perhimpunan Agung MIC Ke-22, MIC Pusat, Kuala Lumpur : 1974, hlm 40.

<sup>22</sup> K.S. Jomo, *Estates of Poverty : Malaysian Labour on Rubber Plantation*, Ilmu Masyarakat, Terbitan Persatuan Sains Sosial Malaysia, Kuala Lumpur, Bil. 10, Oktober 1985, Mac 1986, hlm 6.

Sehingga tahun 1985, 33.1% masyarakat India masih terlibat dalam sektor perladangan. Manakala, pendapatan mereka pula tidak tetap. Ini jelas menunjukkan DEB tidak banyak membawa kebaikan dan perubahan kepada masyarakat India. Manakala, kadar keciciran di kalangan pelajar India yang belajar di sekolah-sekolah Tamil adalah tinggi sehingga tahun 1980. (Rujuk Bab Keempat).

Kesimpulannya, oleh kerana kawasan perladangan tidak termasuk dalam kawasan luar bandar, maka Kerajaan tidak memberi tumpuan dalam usaha membasmi kemiskinan di kawasan tersebut. Mengapakah keadaan ini boleh terjadi? Ini adalah kerana kebanyakan orang Melayu tinggal di kawasan luar bandar dan bukannya di kawasan perladangan. Lagipun, MIC tidak berusaha untuk mengidentitikan kawasan perladangan sebagai kawasan luar bandar kepada kerajaan. Jadi, kawasan perladangan ini tidak menerima bantuan kerajaan dalam usaha membangunkan kawasan tersebut. Kerajaan memberi alasan bahawa pembangunan kawasan perladangan adalah tanggungjawab majikan ladang itu sendiri.

*... that the NEP was not successful in eradicating poverty in the plantation sector between 1970 to 1990. Because of this failure, the majority of plantation workers, many of Indians, were left out of the mainstream of development.<sup>23</sup>*

Lagipun, syarikat-syarikat milik masyarakat India adalah paling sedikit dalam jangka masa DEB berjalan. Ini adalah kerana ketiadaan bantuan

---

<sup>23</sup> Ramasamy, P., *NEP and the Indians*, Data yang tidak dicetak. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1998, hlm 12-13.

daripada pihak kerajaan dalam usaha meningkatkan ekonomi masyarakat India. MIC memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi masyarakat India. Adakah MIC sahaja yang bertanggungjawab terhadap pembangunan ekonomi masyarakat India? Jadi, orang perseorangan juga harus turut bertanggungjawab dalam memajukan ekonomi masyarakat India. Golongan elit, golongan mahir dan golongan berkebolehan harus berani mencebur diri mereka dalam bidang perniagaan dan perdagangan. Ini akan membantu meningkatkan penguasaan ekonomi oleh masyarakat India dan sekaligus mengukuhkan kuasa politik MIC.

### **3.2.5. Pembentukan Barisan Nasional (BN) dan Implikasinya Ke Atas MIC**

Mengapakah MIC menyertai BN? Adakah MIC bertambah kuat selepas menyertai BN? Apakah implikasi penyertaan MIC dalam BN terhadap MIC dan masyarakat India? Inilah persoalan-persoalan yang cuba dibincang dalam bahagian ini. Sebelum MIC menjadi parti komponen BN, terlebih dahulu MIC telahpun menyertai Parti Perikatan sejak tahun 1954.

Pemimpin-pemimpin awal seperti John Thivy dan Budh Singh menentang pengabungan MIC dalam Parti Perikatan kerana masyarakat India merupakan masyarakat minoriti. Lagipun pengabungan ini akan meniadakan kuasa penawar dalam Parti Perikatan kerana UMNO dan MCA telah mewakili 80% penduduk Malaysia. Pemimpin-pemimpin kemudian hari yang berpandangan jauh telah bergabung dalam Parti Perikatan pada tahun 1954. Ini

telah menjadikan MIC sebagai parti komponen Parti Perikatan sehingga pembentukan Barisan Nasional.

Barisan Nasional (BN) telah dibentuk pada tahun 1974. MIC telah menjadi salah satu parti komponen BN. MIC menyertai BN semasa Manickavasagam menjadi pemimpin MIC. Beliau telah meminta ahli-ahli MIC memberi khidmat bakti terhadap BN dalam usaha melahirkan satu negara Malaysia yang aman, adil dan bersatu padu. Manickavasagam juga memberitahu masyarakat India bahawa tujuan MIC bergabung dalam BN adalah untuk mendapatkan perhatian kerajaan terhadap masyarakat India.

MIC yang sebelum ini tidak banyak mendapat pengiktirafan daripada Kerajaan, kini mendapat perhatian penuh. Ini adalah kerana MIC telah menjadi parti komponen ketiga terbesar dalam BN. Ini sekaligus menguatkan kuasa politik MIC yang mana sebelum ini agak lemah. Ini menyebabkan lebih banyak masyarakat India menjadi ahli MIC. Pucuk pimpinan MIC sedar bahawa hubungan baik dengan UMNO dan MCA dapat menjamin hak kaum India di Malaysia. Perhubungan ini juga membantu calon-calon MIC ketika musim pilihanraya. Ini adalah kerana –

- (i) Masyarakat India merupakan masyarakat minoriti di Malaysia (cuma 1.5 juta orang sahaja pada tahun 1995).
- (ii) Tidak ada kawasan pilihanraya yang mempunyai majoriti penduduk India.

- (iii) Masyarakat India pula berselerak di seluruh Malaysia.
- (iv) MIC dan masyarakat India masih lemah dalam penguasaan ekonomi.

Jadi, MIC sedar bahawa calon-calon MIC tidak akan memenangi mana-mana kawasan pilihanraya tanpa bantuan daripada UMNO dan MCA. Oleh itu, MIC meminta semua masyarakat India menyokong BN tanpa memikirkan samada calon-calon itu Melayu, Cina ataupun India. Di sini MIC lebih mementingkan hubungan baik parti-parti komponen BN demi menjaga kepentingan sendiri dan mengekalkan perpaduan dalam BN. Kedudukan MIC yang lemah dalam Parti Perikatan dan kemudiannya dalam BN menyebabkan tidak mampu menjadi Parti Pendesak dalam Perikatan dan UMNO. Ini menyebabkan masalah sosio-ekonomi masyarakat India kurang mendapat perhatian daripada Kerajaan Pusat. *Suara dominan dalam BN adalah UMNO dan kuasa penawar di pihak MIC adalah kurang berbanding dengan MCA.*<sup>24</sup> Walaupun begitu, MIC dianggap parti yang paling stabil dalam BN. Ini adalah kerana suara lantang pemimpin telah mendisiplinkan ahli-ahli MIC.

Hubungan politik MIC dengan Kerajaan BN adalah kurang menyenangkan. Walaupun MIC menyatakan bahawa hubungan mereka dengan Kerajaan BN adalah erat, namun permintaan MIC untuk menukuhan bank sendiri telah ditolak pada tahun 1984. Adakah ini menunjukkan MIC mempunyai kuasa penawar dalam Kerajaan BN?

---

<sup>24</sup> Milne, *Politics in Ethnically Bipolar State*, University of British Columbia Press, Canada, 1981, hlm 19.

Pemimpin-pemimpin MIC gagal memainkan peranan yang aktif tetapi sementara meminta konsesi-konsesi yang dapat meningkatkan martabat kaum India secara keseluruhannya. Ini menunjukkan kedudukan parti politik MIC dalam BN adalah lemah.

### **3.2.6. Krisis Dalaman (Kepimpinan)**

Di sini pengkaji akan membincang krisis dalaman MIC ketika Sambanthan menjadi Presiden MIC sehingga zamaan Samy Vellu. Walaupun terdapat krisis dalaman sebelum Sambanthan, tetapi kini krisis ini lebih menonjol dan serius dalam usaha mengekalkan kuasa dan prestij pemimpin. Mengapakah berlaku krisis kepimpinan dalam MIC? Inilah persoalan yang timbul apabila Sambanthan dikatakan sebagai pemimpin berkaliber. Jadi, urutan peristiwa harus dilihat untuk melihat masalah yang membawa kepada krisis dalaman.

Sebelum MIC menghadapi krisis pucuk kepimpinan, Sambanthan telah memperkenalkan sistem pemilihan pucuk pimpinan melalui pilihanraya MIC pada setiap tahun. Ini telah menyebabkan lebih banyak cawangan dibuka di seluruh negara. Semasa beliau mengambil alih pucuk pimpinan, cuma terdapat 52 cawangan MIC sahaja di seluruh negara. Sehingga tahun 1973, MIC telah mempunyai 300 cawangan.

Selepas tahun 1966, berlaku perpecahan di kalangan ahli-ahli MIC. Mereka menyelar Sambanthan kerana memberi tumpuan sepenuhnya kepada perkembangan NLFCS dan bukannya MIC. Ini mengakibatkan MIC gagal

mendapat peluang-peluang pekerjaan dan ekonomi untuk masyarakat India. Perbalahan yang kemuncak ini menyebabkan Sambanthan menyingkir pemimpin-pemimpin yang menyelarnya. Di sini, kepentingan peribadi didahulukan berbanding dengan kepentingan umum. Inikah sikap seorang pemimpin? Tetapi, sikap begini kini menjadi ikutan pemimpin-pemimpin MIC. *Ramai pemimpin dan ahli MIC meninggalkan parti kerana parti gagal mempertahankan kepentingan orang-orang India dalam Majlis Perikatan.*<sup>25</sup>

Keadaan ketidakpuasan ini berterusan sehingga pilihanraya umum pada tahun 1969. Keputusan pilihanraya memerlukatkan Parti Perikatan kerana tidak dapat membentuk kerajaan. Keputusan ini turut menyukarkan harapan MIC untuk mengubah nasib masyarakat India. Banyak pengundi India telah mengundi parti pembangkang kerana tidak puashati dengan layanan yang diberikan oleh Kerajaan dan MIC.

Akibatnya, meletuslah rusuhan kaum dalam negara. Ramai yang terbunuh akibat dikuasai perasaan perkauman. Darurat diisytiharkan pada 13 Mei 1969. Tarikh ini telah menjadi sejarah hitam bagi masyarakat Malaysia. Untuk mengatasi masalah ini, Timbalan Perdana Menteri Tun Abdul Razak telah membentuk Majlis Penasihat untuk mewujudkan semula keadaan harmoni. Tun Sambanthan dan Athi Nagapan dipilih sebagai wakil masyarakat India ke Majlis tersebut. Selepas tahun 1969, buat kali pertama selepas 23 tahun, MIC telah

---

<sup>25</sup> Dhanapal, R., *op.cit.*, hlm 14-16.

mengarang “Rancangan Buku Biru” yang memuatkan rancangan pembangunan ekonomi bagi kaum India.

Sementara itu, *pemuda MIC kurang puashati dengan pucuk pimpinan MIC yang dipengaruhi oleh golongan senior*.<sup>26</sup> Ini adalah kerana mereka berpendapat MIC kurang beri perhatian terhadap masalah kewarganegaraan dan isu-isu lain. Golongan pemuda ini diketuai oleh V. Manickavasagam, Athi Nagapan dan Samy Vellu. Mengikut Ampalavanar,

*Tun Sambanthan gagal untuk menggunakan kedudukannya sebagai Menteri dalam Kabinet dan juga hubungan akrabnya dengan Tunku untuk memujuk pihak Kerajaan bersikap liberal.*<sup>27</sup>

Lagipun, MIC tidak menggunakan ‘political power’ dengan sewajarnya bagi mendesak pihak kerajaan untuk bertindak secara liberal dalam pemberian kewarganegaraan.

Kali ini, wujud pergelutan politik antara Sambanthan dan Manickavasagam. Sokongan terhadap parti berpecah dua. Akibatnya, Sambanthan menunda Mesyuarat Agung dan pemilihan Presiden MIC selama enam tahun berturut-turut. Keadaan ini menjadikan MIC menjadi parti politik yang lemah dalam Parti Perikatan. Apabila Tunku Abdul Rahman mengundur diri

---

<sup>26</sup> Basheer Hassan, A.K., “Intra Party Conflict - The Malaysian Indian Congress : A Case Study”, Academic Exercise, Faculty of Economic and Administration, University of Malaya, Kuala Lumpur, 1975, hlm 31-32.

<sup>27</sup> Ampalavanar, Rajeswary, *Indian Communities in Southeast Asia*, (Ed.), K.S. Sandhu and A. Mani, *op.cit.*, hlm 240-245.

dari arena politik, ramai yang berpendapat Sambanthan juga harus berbuat demikian. Tetapi Sambanthan meneruskan jawatannya.

Ahli-ahli MIC meminta agar Sambanthan mengikut jejak langkah Tunku Abdul Rahman untuk memberi laluan kepada penggantinya. Mereka menuduh Sambanthan sempit pemikiran dan enggan akur dengan jalan yang ditunjukkan oleh pemimpin berkaliber Malaysia pada ketika itu, iaitu Tunku Abdul Rahman. Sekali lagi Sambanthan telah menyingkirkan pemimpin-pemimpin yang bertentangan dengan beliau. Antara mereka yang dibuang ialah S.Govindarajoo dari Selangor dan Nadeson dari Johor. Masyarakat Malaysia mula memandang serong terhadap MIC yang seringkali menghadapi masalah dalaman. Adakah tindakan ini menunjukkan kematangan seorang pemimpin yang disegani?

Akhirnya, Tun Abdul Razak telah mengadakan satu perbincangan dengan Sambanthan berhubung dengan masalah MIC. Akibatnya, Sambanthan telah meletakkan jawatan sebagai Presiden MIC dan diganti oleh Manickavasagam selepas 18 tahun memimpin MIC. Apa yang penting di sini ialah seorang pemimpin dari UMNO terpaksa memberi nasihat kepada pemimpin MIC untuk mengekalkan perpaduan dan kekuatan parti MIC. Inilah yang dikatakan sebagai ego yang mencetuskan perbalahan sesama sendiri.

Manickavasagam telah mengambil alih kepimpinan MIC pada tahun 1973. Langkah pertama dibuatnya adalah memberi peluang kepada

pemimpin-pemimpin muda seperti S. Subramaniam dan S. Samy Vellu untuk menjawat jawatan penting dalam pentadbiran parti. Tindakan ini meredakan sedikit konflik dalaman MIC buat sementara waktu. Manickavasagam juga cuba menarik masuk golongan intelektual menyertai MIC.

Sementara itu, Presiden MIC iaitu, Manikavasagam telah melancarkan program pemulihan ekonomi bagi kaum India. Antaranya:

- (a) Koperasi Permodalan NESA
- (b) Syarikat Pelaburan Unit Trust NESA
- (c) Bantuan Kewangan Pendidikan MIC
- (d) Kolej Teknologi Seremban

Tindakan ini adalah untuk memastikan tindakan-tindakan yang dilemparkan terhadap bekas presiden kerana gagal memajukan ekonomi masyarakat India tidak berulang. Walau bagaimanapun, dari segi politik, telah wujud dua blok dalam MIC. Satu adalah Pro-Manickavasagam dan yang lain pula adalah Pro-Samy Vellu. Jadi, apa yang diucapkan di pentas jauh bezanya dengan realiti. Beginikah sikap dan kepimpinan pemimpin-pemimpin MIC? Sebab itulah pemimpin-pemimpin MIC tidak dapat menjadi teladan yang baik untuk masyarakat India. Perpecahan ini menyebabkan Manickavasagam mengeluarkan kata-kata seperti berikut: "*I need a very strong deputy, who can command the respect of members. For that, there should be a clear mandate, not just one with a few votes 'difference'*".<sup>28</sup> Masalah perebutan kuasa ini terus berlanjutan.

---

<sup>28</sup> The Star, 18 Jun 1979.

Masalah ini menjadi pergeselan kuasa di kalangan pemimpin-pemimpin muda selepas Pilihanraya Umum 1974. Manickavasagam tidak adil dalam memberi sokongan kepada pemimpin muda. Pada tahun 1977, Samy Vellu berjaya menewaskan S. Subramaniam yang mendapat sokongan parti dan Presiden dalam merebut jawatan Timbalan Presiden. Buat kali pertama, kepentingan dan kestabilan parti diutamakan apabila S. Subramaniam memberi laluan mudah kepada S. Samy Vellu untuk menjawat Timbalan Presiden. Mengikut Manickavasagam, "*MIC hari ini dengan penuh harapan yakin bahawa ia akan menjadi cabaran hari ini untuk membina sebuah negara yang bersatu padu, adil, aman dan makmur.*"<sup>29</sup>

Perhimpunan Agung MIC pada tahun 1979 telah menyaksikan satu perubahan baru. Presiden dan Timbalan Presiden berjaya mengekalkan jawatan mereka. Buat pertama kali, pemilihan Naib Presiden dan Exco Majlis Tertinggi berjalan tanpa sebarang kejadian yang tidak diingini kerana masing-masing bertanding atas tiket persendirian. Ini menunjukkan sudah ada angin perubahan dalam MIC. Samy Vellu menjadi Pemangku Presiden MIC selepas Manikavasagam meninggal dunia pada tahun 1979.

### 3.3 Zaman Pemerintahan Samy Vellu

Era pemerintahan Samy Vellu selalu dianggap sebagai satu era yang penuh mencabar. Ini adalah kerana banyak masalah dari segi politik, ekonomi dan sosial yang terpaksa dihadapi oleh beliau. Adakah Samy Vellu

---

<sup>29</sup> Cenderamata MIC, Ulangtahun Ke-30, 1946-76, MIC Pusat, Kuala Lumpur, 1976, hlm. 11.  
101

berjaya menyatupadukan masyarakat India? Apakah Samy Vellu dapat mengukuhkan kedudukan politik MIC dalam BN? Jadi, langkah pertama yang diambil oleh beliau ialah menstabilkan politik dalaman MIC.

Samy Vellu yang menjadi Pemangku Presiden MIC pada tahun 1979 selepas Manickavasagam meninggal dunia, telah mula menunjuk taringnya dengan mengikis pengaruh S. Subramaniam secara beransur-ansur dengan melantik kuncu-kuncunya ke jawatan-jawatan penting. Lagipun, Samy Vellu mencalonkan Govindaraj bagi kerusi Parlimen Port Kelang selepas Manickavasagam meninggal dunia. Samy Vellu teruskan kegiatan menyingkirkan musuh-musuhnya dari arena politik.

Zaman ini dianggap sebagai nafas baru bagi masyarakat India. Beliau telah melancarkan beberapa projek dengan tujuan membawa pengertian baru dalam pucuk pimpinan MIC serta meningkatkan tahap prestasi kaum India. Samy Vellu dipilih sebagai Presiden MIC pada 26 Mac 1981. Beliau tidak ditentang oleh S. Subramaniam dengan alasan mengutamakan perpaduan parti. Sebenarnya, keputusan Parti adalah keputusan Presiden. Politik MIC menjadi milik perseorangan. Sistem penguasaan Kangani mengambil wajah baru di sini.

“Idea Diktator” telah diwujudkan oleh Samy Vellu. Ini adalah untuk mendisiplinkan ahli-ahli MIC dan masyarakat India yang tidak dapat bernaung di bawah satu payung. V. Govindaraj (ahli Parlimen Pelabuhan Kelang) yang dicalonkan oleh Samy Vellu telah mula mengkritik Samy Vellu secara

terbuka. Ini adalah kerana telah wujud perselisihan faham di antara mereka. Beliau menuduh Samy Vellu adalah seorang pemimpin autokratik. Akhirnya, Govindaraj berundur dari MIC dan membentuk Parti Demokratik India Malaysia (DMIP). Mengapakah MIC dikritik oleh masyarakat India itu sendiri? Ini adalah kerana kepentingan individu telah mengatasi kepentingan sesuatu kaum. Oleh itu, orang perseorangan yang dikatakan berjasa kepada MIC mengharapkan balasan daripada MIC. Apabila MIC gagal, maka MIC dikritik oleh orang-orang seperti ini. Walaupun ada kebenarannya, namun demikian masyarakat India tidak mengetahui apa yang berlaku dalam pentadbiran MIC. Pada pilihanraya parti, Samy Vellu dan S. Subramaniam telah mula bertengkar sekali lagi. Situasi ini wujud apabila Samy Vellu dan S. Subramaniam mula menyokong calon-calon MIC secara terbuka pada Pilihanraya Parti 1987 untuk merebut jawatan Naib Presiden.

Pada tahun yang sama, wujud blok-blok politik dalam MIC untuk merebut jawatan Naib Presiden. Pemimpin-pemimpin seperti ini tidak pernah terfikir untuk membentuk blok persefahaman dengan pemimpin lain dalam usaha membantu meningkatkan sosio-ekonomi masyarakat India. Sekiranya pemimpin-pemimpin atasan ini bekerjasama, maka *masalah penempatan penduduk India di Kg. Chekedi di Buntong, Ipoh, Perak tidak akan berleretan sehingga setengah abad lamanya*.<sup>30</sup> Pemimpin-pemimpin ini menjadi stereotaip bekas-bekas Presiden. Mereka hanya mementingkan diri sendiri dan keluarga mereka sahaja. Mereka alpa akan tanggungjawab yang telah diamanahkan untuk meningkatkan

---

<sup>30</sup> Makkal Osai, Ahad, 1 September 1996, hlm 1-2.

kehidupan masyarakat India. Masyarakat India dan pemimpin-pemimpin India lupa bahawa,

*... masyarakat India tidak mempunyai majoriti dalam sesuatu kawasan pilihanraya tetapi perlu diakui bahawa undi mereka menentukan kejayaan seseorang calon. Orang India mempunyai 'voting strength'.<sup>31</sup>*

Oleh itu, pemimpin-pemimpin MIC percaya bahawa masyarakat India akan terus memberi sokongan padu kepada MIC dan Barisan Nasional apabila tibanya pilihanraya umum. Jadi, pemimpin-pemimpin MIC ini cuba menjaga nama baik di hadapan Presiden. Setiap perbuatan mereka ada niat tertentu.

Dalam pada itu, jawatankuasa pusat pula mula memainkan peranan penting menubuhkan keahlian dan cawangan-cawangan baru. Ini adalah untuk menunjukkan sokongan masyarakat India terhadap MIC. Dengan ini, MIC boleh berbangga bahawa majoriti penduduk India adalah ahli MIC dan penyokong Barisan Nasional. Pemimpin-pemimpin MIC ini tidak pernah terfikir untuk menyedarkan kepentingan penguasaan ekonomi di kalangan masyarakat India.

*Pemimpin-pemimpin harus berbincang tentang kuota yang dikhaskan untuk masyarakat India. Mereka juga harus merangka masa depan masyarakat India. Sekiranya mereka terus meminta bantuan kerajaan, sudah tentu nasib masyarakat India berubah.<sup>32</sup>*

---

<sup>31</sup> Milne, Robert Stephen and Diane K. Mauzy, *op.cit.*, hlm 135.

<sup>32</sup> Annamalai, Masi, *Ainthadhi Tamilargal*, *op.cit.*, hlm 56-57.

Tetapi, MIC hanya memberi tumpuan dan berbincang untuk menambahkan jumlah cawangan MIC sahaja. (Lihat Jadual 3.1)

**JADUAL 3.1**  
**JUMLAH CAWANGAN DAN KEAHLIAN MIC**  
**DARI TAHUN 1973 - 1992**

TAHUN	BIL. CAWANGAN	JUMLAH AHLI
1973/74	442	100,000
1974/75	428	120,000
1976/77	489	107,740
1977/78	515	109,378
1978/79	595	166,670
1979/80	587	169,168
1980/81	712	229,521
1981/82	N/A	222,838
1982/83	646	178,149
1983/84	739	205,353
1984/85	694	160,862
1985/86	742	178,960
1986/87	1,148	219,195
1990/91	1,903	311,160
1991/92	1,804	259,618

Sumber: Laporan-laporan Tahunan MIC dari tahun 1973/94 hingga 1991/92.

UMNO pula mempunyai keahlian 1.5 juta orang dengan 1,200 cawangan sahaja. *Jumlah keanggotaan MIC adalah seramai 350,000 orang.*<sup>33</sup> Di sini, jelas bahawa cawangan-cawangan MIC mempunyai jumlah keahlian yang kurang sahaja. Mereka juga tidak dapat memberi perkhidmatan yang baik kepada masyarakat India menyebabkan masyarakat India hilang kepercayaan terhadap MIC.

<sup>33</sup> "Elections in Malaysia : A Handbook of Facts and Figures on the Election 1955-1990", New Straits Times Press, Kuala Lumpur, 1994, hlm 19.

Tetapi, akhbar **Utusan** melaporkan bahawa, "Presiden Parti MIC telah membelanjakan RM400,000 untuk menempatkan 500 delegasi dari Perak ke Perhimpunan Agung pada tahun 1991."<sup>34</sup> Sebenarnya, wang sebanyak ini boleh digunakan untuk tujuan yang lebih baik iaitu untuk membangunkan sekolah-sekolah Tamil ataupun sosio-ekonomi masyarakat India. Tetapi, perbelanjaan tersebut dibuat agar masyarakat India akan terus memberi sokongan kepada MIC.

Adakah Samy Vellu berjaya menyusun kembali masyarakat India ke landasan pembangunan? Apakah usaha-usaha MIC pada kali ini mendapat sokongan daripada masyarakat India? Sebagai langkah pertama untuk mengubah nasib dan masa depan masyarakat India di Malaysia, maka Samy Vellu telah melancarkan Koperasi Maika Holdings Berhad pada 13 April 1984. (Peranan MIC dalam bidang ekonomi akan dibincang dalam bab kelima.)

Banyak janji-janji palsu ditabur oleh pemimpin-pemimpin MIC ketika Pilihanraya Umum dan di Perhimpunan-perhimpunan Agung MIC. Sentimen kasta berleluasan ketika pilihanraya MIC. Contohnya, M.G. Pandithan pernah menggunakan isu kasta untuk memperoleh sokongan daripada ahli-ahli MIC. Surat khabar WATAN pada 15 Disember 1989 telah merakam kata-kata M.G. Pandithan ini. Apa yang menghairankan ialah pemimpin-pemimpin seperti ini tidak mahu menggunakan situasi ini untuk membantu kasta mereka maju dalam bidang ekonomi. Contohnya, di Cameron Highlands, *Cawangan Tanah Rata adalah dipimpin oleh kasta Gaunder, manakala Cawangan Ringlet, Pahang*

---

<sup>34</sup> Utusan, 23 Februari 1992.

*dipimpin oleh kasta rendah.*<sup>35</sup> Cawangan Ringlet menyokong M.G. Pandithan kerana kasta mereka sama dan bukannya kerana sifat kepimpinan.

Pada tahun 1989, sekali lagi Semy Vellu dan S. Subramaniam beradu tenaga politik dalam merebut jawatan Presiden apabila M.G. Pandithan bersama 12 ahli lain disingkirkan kerana melanggar disiplin Parti. Walau bagaimanapun, Samy Vellu berjaya mempertahankan kerusi Presiden bagi Penggal Ke-4. M.G. Pandithan melemparkan tuduhan terhadap kepimpinan Samy Vellu. Beliau juga cuba menakutkan Samy Vellu bahawa dia akan mengheret MIC ke Mahkamah. Tetapi, ini bukanlah perjuangan parti yang sebenar-benarnya. *Mengambil tindakan ke luar daripada parti termasuk mengheret parti ke mahkamah, bukanlah caranya untuk menjayakan perjuangan parti...*<sup>36</sup>

Kekuatan dan tenaga yang digunakan untuk perkara di atas boleh digunakan untuk memajukan masyarakat India. Masing-masing hanya mahu membuktikan kuasa yang ada pada diri mereka. Mereka tidak sedar bahawa MIC merupakan parti yang lemah dalam komponen Barisan Nasional. *MIC adalah merupakan 'the weakest political party'.*<sup>37</sup> Pada tahun 1989, Samy Vellu telah mengubahsuai Perlembagaan MIC yang boleh melanjutkan jawatan Presiden. Di samping itu, sistem division juga mula diperkenalkan mulai tahun 1991 seperti

<sup>35</sup> Rajakrishnan, R., *Caste, Consciousness Among Indian Tamils In Malaysia : A Case Study of Four Rural and Three Urban Settlements*, M.A. Thesis, University of Malaya, Kuala Lumpur, 1979, hlm. 78.

<sup>36</sup> Abdul Karim Hj. Abdullah (Penyelenggara), *UMNO Tunggak Perpaduan Negara*, Akta Media, Petaling Jaya, 1983, hlm. 10.

<sup>37</sup> Milne, Robert, Stephen and Diane K. Mauzy, *Politics and Government in Malaysia*, University of British Columbia Press, Vancouver, 1978, hlm 135-138.

yang diamalkan oleh UMNO. MIC terbahagi kepada 135 bahagian. Setiap bahagian akan menghantar sekurang-kurangnya seorang wakil ke Perhimpunan Agong bagi memilih pemimpin-pemimpin MIC untuk penggal akan datang. Pengerusi Perhubungan MIC Negeri kini dilantik secara langsung oleh Presiden MIC. Kuasa mutlak telah diserahkan kepada Presiden. Akibatnya, Presiden mempunyai banyak kuasa dalam melantik dan menyingkir ketua-ketua MIC yang tidak sealiran dengannya.

### 3.4 Kesimpulan

Masyarakat India merupakan kumpulan minoriti di Malaysia. Jadi, mereka tidak mempunyai kuasa politik yang kental seperti masyarakat Melayu ataupun Cina. Lagipun, masyarakat India tidak bersatu di bawah naungan MIC. Perpecahan di kalangan masyarakat India menyebabkan kuasa politik MIC turut tergugat.

Ketiadaan semangat yang kental untuk melibatkan diri dalam aktiviti politik tempatan telah menyebabkan masyarakat India dan secara khususnya MIC tidak dapat mengembangkan kuasa politik mereka. Perkembangan kuasa politik MIC hanya dapat dilihat selepas Malaysia mencapai kemerdekaan.

Oleh yang demikian, MIC tidak dapat mendesak kerajaan dalam pemberian konsesi dan keistimewaan-keistimewaan lain. MIC terpaksa bergantung sepenuhnya kepada pemberian kerajaan. Kelemahan ketokohan

pemimpin sejak awal lagi telah menggariskan satu panduan yang lemah. Pemimpin-pemimpin yang berpendidikan tidak dapat memajukan masyarakat India. Mereka hanya dapat meningkatkan prestasi ekonomi diri mereka sahaja.

NLFCS yang ditubuhkan pula gagal membaikpulih sosio-ekonomi masyarakat ladang tetapi membaikpulih sosio-ekonomi golongan elit yang menerajui NLFCS. Jadi, matlamat asal telah menyimpang dari landasan yang dirancang oleh Sambanthan. Keadaannya dalam parti MIC agak berlainan. Presiden hanya memberi sokongan kepada ahli-ahli yang menyokong beliau dan bukannya ahli-ahli yang berkebolehan. Perkara ini dapat dilihat pada zaman Sambanthan, Manickavasagam dan Samy Vellu. Perubahan drastik ini boleh dilihat selepas Samy Vellu mengambil alih MIC.

Samy Vellu juga berpendapat bahawa adalah lebih selamat dan terjamin sekiranya MIC terus berada dalam gabungan Barisan Nasional. Beliau tidak benarkan sebarang unsur negatif menyusup masuk ke dalam MIC yang boleh menggugat kedudukan MIC. Menurut Milne,

*The basic axiom of the MIC is to remain within the ruling coalition with the Indian population not comprising as much as one-fourth of the electorate in any constituency, the MIC would no future on its own.<sup>38</sup>*

---

<sup>38</sup> Milne, Robert, Stephen and Diane K. Mauzy, *op.cit.*, hlm 135.

MIC kini mempunyai 7 kerusi Dewan Parlimen dan 15 kerusi Dewan Undangan Negeri. Ini merupakan perkembangan kuasa politik MIC sejak kemerdekaan sehingga kini. Pertambahan kuasa politik MIC bergantung kepada keanggotaan MIC dan sokongannya terhadap Barisan Nasional (BN).

Sementara itu, ahli-ahli MIC masih kebal dengan hasrat dengki terhadap perkara remeh-temeh. Pergelutan kuasa dan jawatan terus melemahkan kekuatan MIC sehinggakan Samy Vellu selaku Presiden MIC terpaksa memberi amaran kepada ADUN-ADUN di Negeri Selangor yang teruskan perang dingin di antara mereka.

Wakil-wakil rakyat ini gagal menyempurnakan amanah yang dipertanggungjawabkan tetapi banyak meluang masa untuk menjatuhkan air muka pihak lain. Sementara itu, pergaduhan yang sering berlaku di kalangan pemimpin-pemimpin MIC juga turut menjelaskan nama baik MIC. MIC dicop sebagai parti samseng. Kejadian dan gelaran ini berlarutan sehingga pertengahan dekad 1980an. Keadaan ini menyebabkan masyarakat India mula memberi sokongan kepada Parti Kemajuan Rakyat (PPP) dan Parti Buruh. Tindakan pemimpin-pemimpin MIC yang membelakangkan kepentingan kaum India telah melemahkan semangat kaum India.

Sistem Kangani yang berwajah baru dengan gaya moden harus diketepikan sekiranya MIC ingin terus maju dan bersaing dengan parti-parti lain dalam usaha membuktikan kekuatan parti. MIC juga harus membuka peluang

kepimpinan kepada masyarakat India yang berpendidikan Inggeris. MIC juga harus mengetepikan sentimen kasta. Oleh kerana penguasaan ekonomi masyarakat India tidak memuaskan, maka MIC telah mula memberi perhatian khas terhadap aspek pendidikan. MIC percaya bahawa masyarakat India yang berpendidikan dapat meningkatkan penguasaan ekonomi negara.